

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIN KELANTAN BIL 7 TAHUN 1983

PINDAHMILIK TANAH KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT PKINK

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang dasar pindahmilik tanah-tanah kepada anak syarikat PKINK. Anak syarikat PKINK adalah Badan-Badan Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan mengikut takrif Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Pada 12.6.76 Majlis Mesyuarat Kerajaan telah membuat keputusan mengikut Kertas Bil. 10/362/76(6) bahawa pindahmilik tanah kepada Syarikat-Syarikat atau Badan-Badan Bukan Melayu dan Bukan Anak Kelantan boleh diberi pertimbangan dengan syarat penerima bersetuju menukar hakmilik daripada geran kepada pajakan negeri tidak lebih daripada 33 tahun. Dasar ini yang telah diberitahu melalui Pekeliling Bil. 8/76 telah dipakai selama ini untuk pindahmilik tanah-tanah kepada semua Badan atau Syarikat Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan.

3. Dasar pemberianmilik tanah-tanah kepada PKINK atau YAKIN (Pekeliling Pejabat ini Bil. 3/82) telah dipinda mengikut Pekeliling Bil. 6/83.

4. Pada 23.3.83 Majlis Mesyuarat Kerajaan (melalui Kertas Bil. 3/58/82(7)) telah bersetuju untuk melanjut pemakaian dasar yang sama (iaitu dasar pemberian milik tanah-tanah kepada PKINK) kepada Anak-Anak Syarikat PKINK. Ini bermakna bahawa Anak-Anak Syarikat PKINK bolehlah menerima pindahmilik tanah-tanah dengan tidak payah ditukar jenis hakmili. Oleh sebab Anak-Anak Syarikat PKINK adalah Badan-Badan Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan, maka Anak-Anak Syarikat tersebut masih memerlukan kelulusan di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 untuk menerima pindahmilik tanah-tanah itu. Permohonan daripada Anak-Anak Syarikat PKINK untuk menerima pindahmilik tanah-tanah mengikut Seksyen 13A dan Seksyen 104 itu hendaklah dikenakan Sekatan Kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara bagaimana berikut :-
- (a) Tanah yang terkandung di dalam suratan hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik dan diberi pajakan melainkan dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.
- (b) Sekatan (a) adalah dikecualikan sekiranya tanah itu dipindahmilik kepada pembeli pertama yang terdiri daripada orang-orang Melayu bukan Anak Kelantan sahaja.

5. Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang baru ini maka perenggan 1(c) daripada Pekeliling 8/76 adalah dipinda bagaimana berikut :-
 - 1) Tambah ayat berikut selepas perkataan “tidak lebih dari 33 tahun” .
 - 2) “Bagi pindahmilik tanah-tanah kepada Anak-anak Syarikat Agensi Kerajaan Negeri seperti PKINK atau YAKIN bolehlah ditimbang dengan tidak ada perubahan jenis hakmilik.
6. Untuk makluman semua Pemungut Hasil Tanah permohonan untuk pindahmilik tanah-tanah kepada Anak-Anak Syarikat PKINK akan diselenggarakan oleh Pejabat ini.

t.t

(Md. Hussain bin Hassan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.**

KOTA BHARU : 23hb. APRIL, 1983.

KEPADA :

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan termasuk PPHT. Jajahan Kecil Jeli.

SALINAN KEPADA :

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan.

KOTA BHARU

(Bahagian Perkhidmatan 3 salinan).

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan.

KOTA BHARU

Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri
Kelantan.

KOTA BHARU

Pengarah
Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)
Kota Bahru
KELANTAN.

YB. Tuan Penasihat Undang-undang Negeri,
Kelantan.

KOTA BHARU

YBrs. Setiausaha Sulit
Dato' Menteri Besar Kelantan

KELANTAN

[PTG. (KN.) 983/(4)]